



IKLAN JAWATAN KOSONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah atau ringkasnya UniSHAMS bertempat di Kampus Kuala Ketil, Kedah merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Swasta di Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016, ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berwibawa dari dalam dan luar UniSHAMS untuk mengisi jawatan berikut :

MAKLUMAT JAWATAN PEGAWAI UNDANG-UNDANG L41

Kumpulan Perkhidmatan	Pengurusan dan Profesional
Jawatan	Pegawai Undang-Undang
Gred Jawatan	L41
Klasifikasi Perkhidmatan	Perundangan dan Kehakiman (L)
Skala Gaji	Minimum : RM 2,418.00 Maksimum : RM 9,607.00
Tempoh Lantikan	Dua (2) Tahun
Taraf Lantikan	Kontrak (<i>Contract of Services</i>)

SYARAT PERMOHONAN PEGAWAI UNDANG-UNDANG L41

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Permohonan dibuka kepada WARGANEGARA sahaja;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) Ijazah sarjana muda Undang-undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- d) Lulus Peperiksaan Akhir Peguam (*Bar Final Examination*);
- e) Mempunyai Sijil Amalan Guaman; atau
- f) *Barrister-at-law-England*; atau
- g) *Solicitor of the Supreme Court of Judicature of England* atau *Solicitor of the Senior Courts of England and Wales* daripada *Solicitor Regulation Authority*;
- h) Lulus Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- i) Mempunyai kemahiran interpersonal dan komunikasi yang baik;
- j) Keutamaan kepada calon yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang berkaitan selain daripada pengalaman yang ditetapkan.
- k) Memiliki sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman sebagai pengamal undang-undang;

Calon-calon yang mempunyai kelebihan seperti berikut akan diberi keutamaan:

- Boleh menulis dan berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris;
- Berpengalaman mengendalikan kes-kes litigasi di mahkamah, mendraf dokumen kontrak, melaksanakan *due diligence* bagi isu berkaitan undang-undang syarikat.

- Berpengalaman menguruskan dokumen pemindahhakan (*conveyancing*), undang-undang perburuhan, dan pembinaan (*development/construction*).

KAEDAH PERMOHONAN

- (i) Calon yang berminat hendaklah mengemukakan permohonan secara dalam talian (*online*) di laman sesawang <http://erekut.unishams.edu.my.home.php> dan muat naik dokumen-dokumen berkaitan yang disahkan benar pada pautan **Google Form** yang dinyatakan di dalam laman sesawang tersebut.
- (ii) Sila nyatakan gaji yang ingin dipohon dan sertakan gaji terkini sebagai rujukan.
- (iii) Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada Pengarah Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar UniSHAMS di talian 04-4155030 atau e-mel unitperjawatan@unishams.edu.my



**TARIKH TUTUP PERMOHONAN
5 OKTOBER 2023**